

## BAB 1

### LATAR BELAKANG KAJIAN

#### 1.0 Pengenalan

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini ramai yang berpendapat bahawa terdapat kemerosotan dalam pencapaian Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di kalangan pelajar-pelajar di Malaysia. Keadaan ini berlaku mungkin kerana timbulnya beberapa masalah dalam pemerolehan bahasa tersebut. Namun, pada suatu masa dahulu terutama sekali era sebelum merdeka dan beberapa tahun selepas merdeka, pemerolehan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dikira sebagai satu pencapaian yang cemerlang. Oleh yang demikian, sejarah polisi pendidikan negara perlu disingkap kembali iaitu bermula dari penjajahan British sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan untuk mencungkil punca kemerosotan pemerolehan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua terutama dari segi penguasaannya di kalangan pelajar-pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi. Punca-punca kemerosotan ini dapat dikaitkan pula dengan kesukaran dan sikap pelajar terhadap Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

### **1.1 Kesukaran Dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris**

Pada umumnya kesukaran yang dialami dalam pembelajaran Bahasa Inggeris ialah untuk berkomunikasi dalam bahasa tersebut. Sehubungan dengan kesukaran ini mungkin empat aspek dapat dikategorikan dari segi:

- pemahaman sebutan yang diujarkan oleh penutur asli;
- kosa kata atau perkataan yang digunakan dalam ujaran;
- intonasi;
- nahuan.

Semasa seorang pelajar berkomunikasi dengan seorang penutur asli, pelajar tersebut mungkin mengalami kesukaran untuk memahami sebutan yang diujarkan oleh penutur asli tersebut.

Contohnya:      sit      -      seat  
                      live     -     leave

Dengan ini timbulah kekeliruan untuk memahami sebutan perkataan yang diujarkan dan sudah tentu mesej yang hendak disampaikan itu tidak tercapai kerana si pendengar tidak memahami maksud sebenar.

Kosa kata yang digunakan oleh penutur asli dalam ujarannya juga boleh menimbulkan kesukaran bagi pelajar kerana perkataan itu mungkin belum pernah didengarnya atau mungkin dia tidak dapat memahami maksud atau makna kosa kata yang diujarkan. Contohnya seperti perkataan dalam ayat berikut:

He's a bore. (boar)

Perkataan 'bore' dan 'boar' memberi makna yang jauh berbeza sama sekali tetapi pelajar mungkin tidak dapat mentafsirkannya oleh kerana tidak memahami perkataan dalam ujaran tersebut.

Dalam pertuturan Bahasa Inggeris, intonasi memainkan peranan yang penting kerana ia boleh membawa makna atau maksud yang berbeza dalam ayat yang sama.

Contohnya: (a) Jack likes milk.

(b) Jack likes milk.

Dalam ayat (a), orang yang sukakan 'milk' ialah Jack dan bukan orang lain. Manakala ayat (b) pula bermaksud minuman yang Jack suka ialah 'milk', bukan teh atau kopi. Oleh yang demikian, intonasi dalam sesuatu ujaran itu penting kerana ia memberikan maksud

yang berlainan sekali. Mungkin bagi pelajar bahasa kedua, perkara seperti ini menjadi suatu perkara yang remeh, tetapi bagi penutur asli, intonasi boleh dianggap sebagai sebahagian daripada bahasa itu sendiri. Bagi mereka, intonasi yang salah tidak membawa maksud sebenar yang ingin disampaikan. Dengan ini berlakulah salah faham kerana penutur asli tidak akan memahami ujaran dan maksud yang ingin disampaikan oleh penutur bukan asli jika intonasinya tidak betul.

Kesukaran seterusnya ialah dari segi nahuan, dan kesukaran yang paling ketara ialah fleksi iaitu proses penambahan pada kata dasar dalam Bahasa Inggeris.

Contohnya:

- (a) John talked to me in English.
- (b) \*John teached me English.

Pelajar akan melakukan kesilapan dalam penggunaan fleksi seperti dalam contoh (b) kerana dia membuat satu generalisasi apabila menggunakan kata kerja 'talk' dan 'teach', iaitu dengan menambah '-ed' pada kedua-dua perkataan tersebut. Pada halnya bentuk 'teached' tidak wujud dalam Bahasa Inggeris dan bentuk yang seharusnya digunakan ialah 'taught', kerana 'teach' diklasifikasi-kan di bawah kategori 'irregular verbs'.

Bagi kebanyakan pelajar, komunikasi dalam Bahasa Inggeris terhad pada penggunaan dalam bilik darjah atau dalam situasi sosial tertentu sahaja di luar bilik darjah. Ini akan menambahkan lagi kesukaran untuk mereka meningkatkan prestasi dalam penggunaan dan pembelajaran Bahasa Inggeris.

### 1.2 Pendedahan Kepada Bahasa Inggeris

Pendedahan pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris secara formal tidak semestinya merangkumi pengajaran setiap mata pelajaran di sekolah dalam Bahasa Inggeris. Jangkamasa yang diperuntukkan untuk Bahasa Inggeris di sekolah berhubung kait secara langsung dengan jenis sekolah pelajar iaitu sama ada menggunakan Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Kemungkinan besar ramai di antara pelajar tidak mendapat pendedahan kepada Bahasa Inggeris dengan sewajarnya sekiranya mereka bersekolah di mana Bahasa Inggeris hanya digunakan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris sahaja, dan tidak digunakan dalam pengajaran mata pelajaran lain. Keadaan ini dapat dikaitkan pula dengan bermulanya polisi pendidikan kebangsaan.

Sekiranya ada di antara pelajar yang pernah bekerja sebelum melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi, tentu sekali pendedahan kepada Bahasa Inggeris diperolehnya melalui pengalaman di tempat kerja. Selain daripada ini pelajar didedahkan kepada Bahasa Inggeris melalui program-program Inggeris di media elektronik dan penulisan dalam Bahasa Inggeris seperti surat khabar, majalah dan buku-buku.

### 1.3 Sikap Terhadap Bahasa Inggeris

Selalunya seorang pelajar bukan Melayu lebih senang mempelajari dan memahami Bahasa Inggeris berbanding dengan seorang pelajar Melayu. Faktor utama dalam hal ini ialah kerana keadaan persekitaran dan mungkin juga sikap positif daripada rakan-rakan. Sebaliknya, seorang pelajar Melayu akan diejek oleh rakan-rakannya sekiranya dia cuba bercakap dalam Bahasa Inggeris. Rakan-rakan yang suka mengejek ini selalunya ialah rakan-rakan yang tidak tahu berbahasa Inggeris atau yang kurang mendapat pendedahan kepada bahasa tersebut.

Dalam masyarakat Melayu, sekiranya seseorang itu bercakap dalam Bahasa Inggeris di kalangan yang kurang faham tentang bahasa itu, dia mungkin dianggap sebagai

menunjuk-nunjuk. Perkara seperti ini tidak mungkin dianggap sedemikian sekiranya dia menggunakan Bahasa Inggeris di kalangan rakan-rakan yang fasih atau boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris.

Kaedah pengajaran yang digunakan semasa pelajar di sekolah juga memainkan peranan dalam menentukan sikap pelajar terhadap Bahasa Inggeris. Sekiranya kaedah yang digunakan dalam pengajaran Bahasa Inggeris itu membosankan dan pengajarnya pula tidak kreatif, maka keadaan ini boleh membawa kepada sikap negatif terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris.

Dalam peperiksaan seperti Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia, pelajar tidak dimestikan lulus dalam Bahasa Inggeris. Oleh yang demikian, pelajar merasakan bahawa Bahasa Inggeris tidak sebegitu penting seperti mata pelajaran lain, atau mungkin dirasakan Bahasa Inggeris tidak penting langsung bagi mereka semasa mereka di sekolah. Sebaliknya, jika pelajar merasakan Bahasa Inggeris sebagai satu mata pelajaran yang boleh membantu mereka dalam mengejar cita-cita, mereka akan berminat untuk mempelajarinya dan ini akan membawa kepada sikap yang positif.

Tahap kesukaran dalam pembelajaran Bahasa Inggeris juga mungkin membawa pelajar kepada sikap yang negatif. Pelajar yang mengalami kesukaran semasa mempelajari Bahasa Inggeris sudah tentu tidak akan menunjukkan sikap yang positif terhadap bahasa tersebut.

Persekuturan persekolahan juga dapat membantu pelajar membina satu sikap yang positif terhadap Bahasa Inggeris. Pelajar-pelajar di sekolah yang mempunyai ramai guru yang berpendidikan melalui pengantar Bahasa Inggeris akan mendapat galakan untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris supaya mereka dapat meningkatkan penguasaan bahasa itu dengan baik. Oleh yang demikian, sikap pelajar terhadap Bahasa Inggeris berhubung rapat dengan apa yang didedahkan kepada mereka dan sikap yang ditanam pada awal alam persekolahan akan tinggal kekal sehingga pelajar menempuh alam dewasa.

#### 1.4 Masalah Penguasaan Bahasa Inggeris

Perbezaan-perbezaan yang terdapat dalam sistem sesuatu bahasa biasanya mengakibatkan kesukaran kepada pelajar yang mempelajari bahasa tersebut. Namun, segala kesukaran mungkin dapat diatasi sekiranya pelajar diberi kesedaran mengenai perbezaan yang terdapat di antara bahasa ibundanya dengan bahasa kedua

atau bahasa asing yang dipelajarinya.

#### 1.4.1 Masalah Fonologi

Menurut Harimurti (1983: 45), fonologi adalah satu bidang dalam linguistik yang menyelidiki bunyi-bunyi bahasa menurut fungsinya. Oleh yang demikian penyebutan bunyi yang tepat adalah suatu matlamat penting dalam pembelajaran sesuatu bahasa, dan setiap pelajar yang mempelajari bahasa kedua mungkin akan menghadapi masalah dan kesukaran kerana tidak ada dua bahasa yang sama. Keadaan ini ketara sekali dari segi fonologi. Sekiranya ada sebutan yang sama, tetapi maknanya berbeza sama sekali.

Bunyi dalam sesuatu bahasa memberi makna yang tertentu. Setiap bunyi atau perkataan yang dihasilkan oleh penutur sesuatu bahasa mempunyai makna bagi pendengar dalam masyarakat bahasa yang sama. Pendengar juga dapat memahami apa yang dituturkan oleh penutur kerana makna berkait rapat dengan ujaran, terutama sekali bunyi-bunyi yang diujarkan oleh penutur.

Apabila terdapat ketidaksamaan dalam sistem bunyi iaitu fonetik Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, pelajar tidak dapat menyebut fonem-fonem yang berbeza

itu dengan baik dan mereka akan mengasimilasikan bunyi-bunyi tersebut dengan fonem yang terdekat dalam Bahasa Malaysia. Contohnya, dalam Bahasa Inggeris terdapat beberapa bunyi yang tidak wujud dalam Bahasa Malaysia. Bunyi-bunyi yang dimaksudkan ialah fonem /v/, /θ/ dan /ð/. Oleh kerana bunyi-bunyi ini tidak wujud dalam Bahasa Malaysia pelajar cenderung menyebutnya dengan bunyi yang terdekat yang terdapat dalam bahasanya.

Contohnya:  
`very' disebut sebagai `berry'  
`three' disebut sebagai `tree'  
`then' disebut sebagai `den'

Masalah seperti ini hendaklah diperbetulkan dengan sebutan cara artikulasi yang betul dari awal lagi. Sekiranya sebutan yang salah dibiarkan, kesilapan akan berlaku dan berkekalan. Ini boleh mengakibatkan fosilisasi dalam penyebutan sesuatu bunyi dalam Bahasa Inggeris. Penyebutan yang tidak betul juga boleh menyebabkan salah faham kerana perkataan yang disebutkan itu boleh membawa kepada erti yang berbeza sama sekali, sungguhpun perbezaan dari segi fonetiknya kelihatan amat kecil sekali.

#### 1.4.2 Masalah Morfologi

Menurut Harimurti (1983: 111) morfologi adalah: 'bagian dari struktur bahasa yang mencakup kata dan bagian-bagian kata, yakni morfem'. Contohnya morfem 'boy' jika ditambah morfem 's' akan memberi makna nahuhan jamak, dan morfem 's' terlalu kerap digunakan dalam Bahasa Inggeris untuk menunjukkan infleksi iaitu perubahan bentuk kata yang mempunyai hubungan gramatikal. Oleh yang demikian morfem 's' boleh menunjukkan infleksi jamak atau infleksi kata kerja orang ketiga.

Infleksi dalam Bahasa Inggeris ini boleh mengelirukan pelajar jika dibandingkan dengan ciri-ciri aglutinatif dalam Bahasa Malaysia. Sebagai contoh, dalam Bahasa Malaysia terdapat kata dasar yang diberi awalan, akhiran dan sisipan dan juga gabungan imbuhan. Dalam Bahasa Inggeris pula infleksi memberi makna nahuhan yang tertentu. Ini berdasarkan morfologi dalam Bahasa Inggeris yang mempunyai makna leksikal dan makna gramatikal.

Contohnya:

Cat	- makna leksikal
cats	- makna gramatikal (jamak)

Kata kerjanya pula memberi perubahan dalam bentuknya sendiri.

Contohnya: walk - makna leksikal  
walks - makna gramatikal  
walked - makna gramatikal

Dengan adanya ciri-ciri infleksi dalam Bahasa Inggeris, pelajar merasakan amat sukar sekali penggunaannya dalam pertuturan sehari-hari sekiranya dia jarang menggunakan bahasa tersebut. Oleh yang demikian, latihan bertutur adalah penting bagi seorang pelajar bahasa. Walaupun latihan menulis dalam Bahasa Inggeris diberi dengan secukupnya, pelajar tidak akan dapat bertutur dengan baik sekiranya dia tidak menggunakan bahasa yang dipelajarinya itu dalam pertuturan setiap hari.

Pada kebiasaan pelajar akan membuat satu generalisasi yang terlampau terhadap peraturan-peraturan yang ada dalam Bahasa Inggeris. Dengan ini peraturan yang dipelajarinya dalam Bahasa Inggeris diterapkan di tempat yang salah.

Contohnya: kata nama house ---> houses  
mouse ---> \*mouses

kata kerja walk ---> walked  
teach ---> \*teached  
run ---> \*runned

Penerapan peraturan sedemikian menunjukkan bahawa pelajar masih tidak berkeupayaan untuk menyusun morfem atau suku kata dengan betul.

#### 1.4.3 Masalah Sintaksis

*Kamus Dewan* mendefinisikan sintaksis sebagai 'pengetahuan tentang susunan kata dalam ayat'. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan dalam sesuatu bahasa bererti berkebolehan menyusun perkataan-perkataan untuk membentuk ayat.

Dalam hal ini pelajar mengalami masalah kerana Bahasa Inggeris tergolong dalam rumpun Indo-Eropah, manakala Bahasa Melayu pula tergolong dalam rumpun Austronesia (Asmah, 1990). Oleh yang demikian, timbulah kekeliruan dalam penyusunan kata dalam ayat Bahasa Inggeris kerana terdapat beberapa perbezaan

dalam sistem bahasa tersebut berbanding dengan sistem bahasa Melayu.

Contohnya:	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
	bangunan tinggi	tall building
	pencakar langit	sky scraper

Ada kalanya urutan perkataan sesuatu ayat itu betul dan maknanya dapat diterima. Tetapi ada kalanya pula urutan perkataan kelihatan betul tetapi ayatnya tidak memberi makna yang sewajarnya.

Contohnya: (a) The doctor examined the patients.  
(b) The patients examined the doctor.

Susunan perkataan dalam ayat (a) memberi makna yang sempurna dan ayatnya dapat diterima akal. Namun susunan perkataan dalam ayat (b) tidak mempunyai makna yang sama dengan ayat (a) dan struktur ayatnya janggal sekali. Ini adalah kerana menjadi suatu perkara yang mustahil bagi pesakit memeriksa seorang doktor dan kita tidak seharusnya menjangka kedua-dua ayat ini mempunyai makna yang sama. Begitu juga halnya dengan perkataan yang diletak tanpa mengikut urutan gramatis. Tentu sekali strukturnya tidak memberi apa-apa makna.

Contohnya: \*examined doctor the patients the

Pelajar yang dapat menguasai tatabahasa Bahasa Inggeris dapat menstruktur ayat dengan sempurna, tambahan pula dia memahami leksikal yang digunakan dalam ayat tersebut. Sebaliknya pelajar yang lemah tidak dapat menyusun perkataan secara gramatis dan dalam ujarannya dia terpaksa melakukan ulangan untuk mendapatkan struktur yang difikirkannya betul.

Ada kalanya pelajar terlalu memikirkan tentang perkataan yang sesuai dan struktur ayat yang sempurna sehingga mengakibatkan ujarannya tergendala seketika. Ada juga pelajar yang terpaksa menstruktur semula ayat atau memperbetulkan sendiri ujarannya untuk memastikan ujarannya itu mengikut tatabahasa Bahasa Inggeris.

#### 1.4.4 Masalah Leksikal

*Kamus Dewan* menakrifkan leksikal sebagai 'yang berkaitan dengan perkataan-perkataan atau perbendaharaan kata'.

Dalam situasi tertentu, pelajar ingin meluahkan kata-kata untuk menyampaikan maksud dalam Bahasa Inggeris, tetapi malangnya pengetahuan leksikalnya dalam Bahasa Inggeris terhad. Ada kalanya pelajar menggunakan leksikon yang tidak tepat untuk menyatakan sesuatu, tetapi pendengar mungkin dapat meneka apa yang dimaksudkannya.

Di antara sebab-sebab yang boleh menimbulkan masalah leksikal di kalangan pelajar Bahasa Inggeris ialah:

- (1) tidak memahami leksem Bahasa Inggeris dengan menyeluruh;
- (2) terlupa leksem yang pernah dipelajarinya dalam Bahasa Inggeris;
- (3) Kurang membaca buku dalam Bahasa Inggeris;
- (4) Kurangnya pengetahuan leksikon Bahasa Inggeris.

Oleh kerana wujudnya masalah tersebut, pelajar akan mengalami kesukaran untuk menyampaikan maksud dengan sempurna. Keadaan ini juga boleh menyebabkan ujaran penutur menjadi terhenti untuk beberapa ketika dan seterusnya menjadi sebagai penghalang kepada kelancaran penutur untuk berkomunikasi.

Masalah leksikal juga akan menyebabkan seorang pelajar kurang berkeyakinan untuk mengguna Bahasa Inggeris dalam usahanya menyampaikan sesuatu mesej. Dia takut ditertawakan oleh rakan-rakannya lalu dia akan melakukan pengelakan untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Keadaan ini juga boleh mematahkan semangatnya untuk terus berkomunikasi kerana kekurangan pengetahuannya dalam leksikal Bahasa Inggeris.

### 1.5 Sistem Pendidikan Malaysia

Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan dan sebagai salah satu bahasa rasmi negara selain daripada Bahasa Inggeris. Seluruh negara mengadakan kempen untuk menggalakkan rakyat menggunakan Bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan. Walau bagaimanapun, hanya selepas sepuluh tahun merdeka iaitu pada tahun 1967 barulah Bahasa Melayu dijadikan satu-satunya bahasa rasmi di Semenanjung Tanah Melayu.

Sebelum merdeka iaitu pada tahun 1956, satu jawatankuasa ditubuhkan di Kementerian Pendidikan untuk merancang satu polisi bagi menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan. Jawatankuasa ini dikenali sebagai Laporan Razak yang menjadi dokumen pendidikan

negara. Laporan ini bertanggungjawab untuk pelaksanaan polisi pendidikan negara untuk mengadakan satu sistem pendidikan kebangsaan sebagai memenuhi kehendak rakyat di negara ini.

Sebenarnya pengenalan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah adalah saranan utama Jawatankuasa Rahman Talib yang ditubuhkan dalam tahun 1960 untuk mengkaji semula sistem pendidikan yang terkandung dalam Laporan Razak. Pada tahun 1968 bermulalah proses pertukaran Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris kepada sekolah kebangsaan. Ini dilakukan secara berperingkat-peringkat dengan lima mata pelajaran sahaja diajar dalam Bahasa Malaysia dalam Darjah 1 hingga Darjah 3 di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris. Dalam tahun 1970, semua mata pelajaran diajar dalam Bahasa Malaysia dalam Darjah 1. (Asmah, 1976: 108). Akhirnya dalam tahun 1975 Bahasa Malaysia digunakan sepenuhnya sebagai bahasa pengantar dalam semua darjah di sekolah rendah.

Dalam sistem pendidikan kebangsaan, kandungan sukanan pelajaran yang sama wujud di semua sekolah dan Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar utama. Dengan ini lahirlah kelas-kelas aliran Melayu. Bagi pelajar yang tamat darjah enam di sekolah kebangsaan dapat meneruskan pelajaran di sekolah menengah dengan

membuat pilihan sama ada ke sekolah aliran Melayu atau ke sekolah aliran Inggeris. Matlamat sistem pendidikan ini adalah untuk memberi kesedaran kebangsaan di kalangan rakyat.

Menurut Asmah (ibid) dalam tahun 1968, kelas aliran Melayu dimulakan di Sekolah Menengah Vokasional, dan dalam tahun 1970 di Sekolah Menengah Teknik. Di sekolah ini Bahasa Inggeris masih menjadi mata pelajaran wajib.

Dalam tahun 1982, Bahasa Malaysia menjadi bahasa pengantar di peringkat menengah dalam semua tingkatan. Menurut Asmah (ibid), dalam tahun 1983 Bahasa Malaysia dijadikan bahasa pengantar bagi semua kursus tahun pertama di peringkat universiti.

Jawatankuasa Rahman Talib juga menyarankan semua peperiksaan awam diberi arahan dalam salah satu bahasa rasmi. Bahasa Malaysia digunakan dalam tahun 1969 untuk peperiksaan sastera dan sains dalam peperiksaan *Higher School Certificate* (HSC). Dalam tahun 1970,

peperiksaan *Overseas Cambridge School Certificate* digantikan dengan peperiksaan kebangsaan yang setaraf iaitu peperiksaan *Malaysia Certificate of Education* (MCE). Peperiksaan seterusnya dijalankan dalam bahasa Malaysia iaitu *Lower Certificate of Education* (1978), MCE (1980) dan HSC (1982).

Oleh kerana Bahasa Malaysia menjadi bahasa rasmi tunggal di Semenanjung Malaysia sejak tahun 1967, ini bererti pelaksanaan penggunaannya dalam pemerintahan kerajaan, perdebatan parlimen, badan-badan berkanun dan dalam situasi yang berkaitan dengan pentadbiran. Pelaksanaan penggunaan Bahasa Malaysia juga boleh melibatkan penamaan semula bangunan dan jalan raya yang pada satu masa dahulu menggunakan nama penjajah atau nama asing.

#### 1.6 Kepentingan Kajian

Sejak Laporan Razak pada tahun 1956 hingga ke hari ini, bahasa Inggeris ditakrifkan sebagai bahasa kedua paling penting (Asmah, 1991). Menurutnya lagi, bahasa

Inggeris yang pada satu masa dahulu merupakan bahasa penjajah boleh berubah fungsi dan tarafnya sesuai dengan perubahan masyarakat. Oleh kerana bahasa Inggeris menjadi 'bahasa kedua paling penting' ia digunakan dengan secara meluas dalam pertuturan seharian oleh sebilangan besar masyarakat di Malaysia.

Kajian ini dirasakan penting memandangkan dalam tahun-tahun kebelakangan ini ramai di antara pelajar telah mempelajari Bahasa Inggeris lebih daripada sepuluh tahun, namun ramai pula di antara mereka yang tidak dapat berkomunikasi dengan baik. Keadaan ini tidak berlaku dalam era sebelum merdeka dan dalam beberapa tahun selepas merdeka.

Pelajar mungkin menggunakan Bahasa Inggeris yang tidak sempurna dari segi tatabahasa semasa berkomunikasi, tetapi jelas apa yang hendak disampaikan tercapai apabila si pendengar memahami maksudnya. Oleh yang demikian, tentulah ada cara-cara yang tertentu yang digunakan oleh pelajar tersebut dalam penyampaian maksudnya.

Cara-cara yang digunakan dalam komunikasi untuk menyampaikan maksud inilah menjadikan pentingnya kajian ini dijalankan terutama bagi pelajar yang menghadapi

masalah untuk bertutur dengan fasih dalam Bahasa Inggeris. Walaupun bahasa yang digunakan semasa berkomunikasi tidak boleh dianggap sebagai satu pencapaian yang tinggi, namun pelajar masih dapat menyampaikan mesej.

Bertitik tolak dari kajian ini diharapkan ramai bijak pandai tampil untuk menjalankan kajian mengenai cara-cara untuk berkomunikasi dengan baik supaya dapat menolong para pelajar menyampaikan maksud dengan berkesan sekali walaupun mereka mempunyai pengetahuan linguistik yang terhad.

#### 1.7 Skop Kajian

Untuk mengkaji strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar, kajian ini hanya memberi tumpuan kepada aspek penghasilan ujaran sahaja. Walaupun strategi dapat dilihat dalam penulisan, tetapi ini bukan menjadi fokus dalam kajian ini. Tumpuan hanya diberikan kepada jenis-jenis strategi yang digunakan oleh pelajar-pelajar Melayu untuk mengatasi masalah apabila mereka berkomunikasi secara lisan dalam Bahasa Inggeris dan ini merupakan satu aspek yang memerlukan perhatian.

Subjek sasaran dalam kajian ini ialah subjek yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Mereka terdiri daripada 24 orang pelajar lelaki dan perempuan yang sedang belajar dalam tahun pertama di Institusi Teknologi MARA, Shah Alam.

Kesemua subjek diberi tugasan untuk menghasilkan data lisan dan analisa strategi komunikasi dibuat berdasarkan data tersebut. Data lisan yang dihasilkan oleh mereka terdiri daripada:

- (i) tugasan bercerita berperangsangkan gambar bersiri;
- (ii) tugasan lisan separuh berpandu;
- (iii) tugasan perbualan berpandu.

Penganalisaan data memerlukan masa yang lama kerana perhatian harus diberi kepada ujaran yang dihasilkan daripada transkrip cerita, tugasan lisan dan perbualan dari petikan rakaman video. Transkrip ini dibuat dengan teliti supaya dapat memelihara keaslian ujaran seperti yang terdapat dalam rakaman. Kemudian kesemua data lisan daripada 24 transkrip bagi setiap tugasan diambil dan dianalisa dengan cermat untuk melihat jenis-jenis strategi komunikasi yang digunakan untuk menyampaikan mesej.

Penyelidikan ini memberi tumpuan kepada cara-cara pelajar menyelesaikan masalah yang mereka hadapi semasa berkomunikasi terutama sekali dari aspek leksikal dan morfologi. Dengan ini juga perlu diambil kira jenis-jenis strategi yang digunakan oleh pelajar.

#### 1.8 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat dan menyelidik sejauh mana pelajar dapat mengendalikan komunikasi semasa menghadapi masalah menyampaikan sesuatu mesej dalam Bahasa Inggeris. Kajian ini juga ingin mengenalpasti sistem antara bahasa dan strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar secara praktikal dalam situasi yang sebenar.

Persoalan yang diutamakan dalam kajian ini ialah bagaimana pelajar dapat menyelesaikan masalah untuk mencapai matlamat komunikasinya. Masalah yang dimaksudkan ialah masalah leksikal, dan perhatian ditumpukan kepada pelbagai jenis strategi komunikasi yang digunakan apabila pelajar menghadapi masalah kekurangan leksikal dalam Bahasa Inggeris.

Kajian ini juga berusaha untuk mengesan tahap kecekapan pelajar semasa menggunakan Bahasa Inggeris dan hubungannya dengan penggunaan strategi komunikasi.

Dalam kajian ini pengkaji ingin:

- (i) mengenal pasti pelbagai jenis strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar Melayu semasa berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris;
- (ii) mencari beberapa sebab yang mendorong pelajar menggunakan strategi komunikasi;
- (iii) melihat sejauh mana strategi komunikasi dapat membantu pelajar berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris.

Secara ringkasnya kajian ini dapat memberikan satu gambaran mengenai strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar semasa berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Selain daripada itu, sebab-sebab strategi komunikasi digunakan juga dapat ditinjau, dan sama ada strategi yang digunakan itu berkesan atau pun tidak juga dapat dikenal pasti.